

EDISI EKSKLUSIF

VISIT
TERENGGANU
2013 Malaysia

santai* travel

inspirasi percutianku

10 Pilihan
Resort Pantai
Mesti Pergi!

Mandi Kelah Di
Tasik Kenyir

Mengulit Budaya
Terengganu

MEI 2013

ISSN 2229-9777



MALAYSIA RM7.00
SINGAPORE SG\$6.90
BRUNEI BND6.90

+ ISTIMEWA: TAHUN MELAWAT TERENGGANU 2013

Jenama Pakaian Jeep Sokong Malaysian Nature Society



Pakaian kasual jenama antarabangsa, Jeep, berbangga untuk bergiat aktif dalam memelihara alam sekitar dengan menyampaikan cek berjumlah RM15,000 untuk terus menyokong usaha oleh Malaysian Nature Society (MNS) dalam pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar. Majlis penyampaian diadakan di Ibu Pejabat Malaysian Nature Society (MNS) di Jalan Kelantan telah dihadiri oleh kedua-dua Pengarah Urusan dari Jordone Group dan MNS.

Menurut Ketua Pegawai Operasi Jordone Group Sdn. Bhd., Eric Loke, secara keseluruhannya impak pemanasan global dan perubahan iklim mempengaruhi masyarakat. Komuniti industri perniagaan perlu bekerjasama untuk memelihara alam sekitar. “Kita semua perlu menjaga dalam memelihara alam sekitar untuk memastikan masa depan yang lebih baik untuk generasi akan datang. Sebagai warga korporat yang baik, kami berbangga untuk menderma sebahagian hasil jualan kami yang dijana daripada kempen kami sebelum ini kepada Malaysian Nature Society (MNS) untuk menyokong usaha mereka dan bergiat aktif dengan menghargai dan memulihara warisan semulajadi kita yang sudah lebih setengah abad,” kata Loke. Kutipan ini telah dikumpulkan melalui Jeep’s World Environment Day Charity Drive yang telah diadakan dari Julai hingga Oktober tahun lepas. Kutipan akan disalurkan ke dana GREENaid MNS dan seterusnya akan digunakan untuk meningkatkan kesedaran dan memastikan pemuliharaan alam sekitar di kawasan-kawasan tertentu, habitat dan spesies di Malaysia.

RED BOX Rai Pengamal Media

Malam Media Red Box, sebuah acara tahunan anjuran kumpulan karaoke terkemuka Red Box, diadakan sekali lagi di Red Box Ria, KL SOGO baru-baru ini. Seperti tahun-tahun sebelumnya, majlis dilengkapkan dengan penyampaian Anugerah Lagu Karaoke Popular 2012, yang terdiri dari 10 Lagu Karaoke Inggeris & 10 Lagu Karaoke Melayu Popular 2012.

Ms Valerie Choo, Pengarah Urusan Red Box, sewaktu ucapannya memberitahu, “Anugerah ini merupakan satu pengiktirafan untuk lagu-lagu yang mengungguli carta Red Box sepanjang 2012. Menurut beliau lagi, selepas lebih sepuluh tahun berada dalam industri, pihaknya terus melangkah ke hadapan dalam mengukuhkan lagi jenama Red Box agar bertepatan dan terus relevan dengan kehendak pengguna. Red Box hari ini gigih memastikan semua Saluran Media Baru (New Media Network) selari dengan tren semasa. Secara amnya, Red Box mempunyai Laman Web rasmi sebagai saluran informasi, YouTube sebagai saluran TV/Video, Twitter & Instagram sebagai saluran Komunikasi. Dan, semua saluran ini berhubung terus ke Facebook rasmi Red Box iaitu www.facebook/redboxfans sebagai saluran utama



Dorsett Grand Subang Raikan Anak Yatim

Dorsett Grand Subang dan Kiwanis Club Bukit Kiara telah meraikan 30 anak kurang bernasib baik bersempena sambutan Tahun Baru Cina baru-baru ini. Anak-anak kurang bernasib baik ini daripada Rumah Jaireh dan Yayasan Sunbeams. “Bersesuaian dengan semangat Tahun Baru Cina yang menghimpunkan keluarga bersama-sama, kami di Dorsett Grand Subang dan Kiwanis Club Bukit Kiara berbangga dapat berkongsi bersama anak-anak ini bersama keluarga kami di sini,” kata Naib Pengerusi Dorsett Hospitality International, Datin Jasmine Abdullah Heng. Bukan

setakat menikmati makanan tengahari malah anak-anak ini dihiburkan dengan pelbagai aktiviti seperti persembahan silap mata, pertandingan mewarna dan ucapan selamat Yee Sang. Selain itu mereka juga menerima angpau dari pengurusan Dorsett Grand Subang.

